



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

PENJELASAN RASMI MENGENAI KEANGGOTAAN PASUKAN PETUGAS KHAS EAIC SIASATAN PROSES KEWARGANEGARAAN PEMAIN NATURALISASI MALAYSIA

***UNTUK SIARAN SEGERA
13 NOVEMBER 2025***

Berhubung kenyataan media EAIC pada 11 November 2025, EAIC ingin menjelaskan bahawa penggunaan istilah “digugurkan” dalam kenyataan tersebut merujuk kepada keputusan untuk mengecualikan Datuk Seri Dr. Yusof Ismail daripada menyertai Pasukan Petugas EAIC.

EAIC ingin menjelaskan bahawa keputusan untuk tidak melibatkan Datuk Seri Dr. Yusof Ismail, Ahli Pesuruhjaya EAIC, dalam pelaksanaan Pasukan Petugas Khas tersebut adalah langkah pentadbiran yang diambil memandangkan beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Khas Siasatan Bebas (Independent Investigation Committee – IIC) FAM.

Langkah ini diambil bagi memastikan integriti, ketelusan, dan kebebasan EAIC daripada sebarang potensi percanggahan peranan dalam kedua-dua jawatankuasa berkenaan selaras dengan hasrat Datuk Seri Dr. Yusof Ismail sendiri yang telah memilih untuk menarik diri secara sukarela daripada penglibatan dalam Pasukan Petugas Khas EAIC.

Keputusan ini sama sekali tidak menjejaskan kedudukan mahupun kredibiliti Datuk Seri Dr. Yusof Ismail sebagai Ahli Pesuruhjaya EAIC.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**